



Bluetram memerlukan hanya 20 saat untuk dicas semula. (Gambar: Gwyneth Teo)

NTU, BlueSG uji trem elektrik dengan daya cas kilas

23/1/2018 8:05



SINGAPURA: Percubaan bagi trem elektrik yang memerlukan hanya 20 saat untuk dicas semula – dengan adanya penumpang di dalam trem atau semasa mereka diturunkan di stesen-stesen – akan dijalankan di kampus Universiti Teknologi Nanyang (NTU) bagi enam bulan akan datang.

Percubaan itu dirasmikan pada Isnin (22 Jan) oleh NTU dan BlueSG, syarikat sama yang memulakan skim perkongsian kereta elektrik tahun lalu.

Digelar pengangkutan elektrik dengan daya cas kilas yang pertama di Singapura, Bluetram boleh melakukan perjalanan sejauh 2 kilometer bagi setiap satu cas, dengan kuasa simpanan yang dibekalkan bagi lagi 30 kilometer.

Trem yang boleh menampung 22 orang itu akan dijalankan antara kawasan CleanTech One di JTC dan North Hill di NTU, iaitu bagi jarak hampir 1 kilometer.

Apabila kenderaan tersebut melakukan perhentian di setiap stesen di laluan itu, sebuah lanjutan robotik akan dikeluarkan dari stesen itu, dimasukkan sendiri ke dalam tempat cas dan mengecas kapasitor 'super' kenderaan berkenaan.

NTU dan BlueSG menyatakan kapasitor 'super' itu adalah 10 kali lebih cekap berbanding bateri ion litium dalam menjana kuasa, tetapi membekalkan kuasa bagi tempoh yang lebih pendek.

Ini menjadikannya pilihan kenderaan ideal bagi melakukan perjalanan dekat dengan banyak perhentian.

Kenderaan berkenaan sebelum ini diuji di Mesyuarat Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) 2015 di Paris, di mana enam trem melakukan perjalanan ulang-alik bagi tujuh stesen di Champs-Élysées.

Memandangkan kampus NTU mempunyai lebih banyak laluan yang berbukit berbanding landasan rata di Champs-Élysées, percubaan itu akan membolehkan pembuat trem tersebut menguji prestasinya di pelbagai jenis laluan.

Sehubungan itu, data yang dikumpulkan akan membolehkan ahli sains memahami bagaimana kapasitor 'super' boleh memberikan reaksi kepada keadaan iklim berbeza, dan apa kesan kenderaan sebegini yang banyak jumlahnya terhadap prasarana grid tenaga.